

Bank perdagangan akan diberi peluang melabur

# Penyertaan ekuiti sedang ditimang-PM

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Kerajaan sedang menimbang kemungkinan membenarkan bank-bank perdagangan untuk menyertai ekuiti dalam projek industri di negara ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan malam ini.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu jika dilaksanakan akan meluaskan tugas bank-bank dalam pembangunan industri, di samping tanggungjawab utama mereka bertindak sebagai penggalak pertumbuhan asas industri negara.

Bagaimanapun, katanya: "Kita perlu mengkaji cadangan itu dengan teliti sebelum membuat keputusan."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di majlis jamuan malam anjuran bersama Persatuan Bank-Bank dan Institusi-Institusi Kewangan Malaysia di sini.

Menurutnya, bank-bank saudagar telah diberi peluang melabur dalam s-h-a-m-a-h-a-m menyertai industri baru sejak Februari tahun lalu, malangnya tidak ada di kalangan mereka yang ceras di bidang itu.

"Saya berharap apabila tawaran ini dibuka kepada bank-bank perdagangan, mereka akan merebut peluang ini selain menyediakan kepakaran yang perlu," jelasnya lagi.

## Pasaran

Perdana Menteri menyatakan betapa perlunya bank-bank perdagangan membantu menyusun semula asas industri pembuatan dan menolong meningkatkan persaingan negara dalam pasaran dunia.

Beliau juga menegaskan, institusi-institusi kewangan tempatan harus memupuk dan menggalakkan pertumbuhan industri kecil.

Katanya, industri seperti ini, khususnya yang menyokong industri barangan eksport patut diberi kemudahan kredit berasaskan syarat-syarat yang munabah.

Datuk Seri Dr Mahathir keal bank-bank dan banyak institusi kewangan lain mengenaikan syarat-syarat yang lebih ketat ke atas pinjaman kecil berbanding dengan pinjaman besar.

"Lebih teruk dari itu, mereka masih memper-

mainkan menyediakan cagaran dan penjamin daripada kejayaan projek itu sendiri," katanya lagi.

Beliau menambah, masalahnya sudah tiba bagi bank-bank dan institusi-institusi kewangan mencari cara baru membiayai peniaga-peniaga kecil yang biasanya tidak mempunyai tanah dan harta, kecuali ketekunan.

Perdana Menteri berkata, ekonomi negara akan pulih tahun ini berdasarkan pencapaian eksport dan hasil pengeluaran negara.

Pengeluaran petroleum, jelanya, terus meningkat manakala eksport LNG pula berjalan mengikut jadual. "Pengeluaran sektor pembuatan juga bertambah baik," jelasnya lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, nilai eksport negara tahun ini dijangka meningkat 12 peratus sahaja tahun lalu. "Keluaran Negara Kasar (GNP) juga secara keseluruhannya meningkat antara 3.5 dan 6.0 peratus berbanding 4.8 sahaja tahun lalu, jelanya.

Beliau berkata, kejayaan ini disebabkan tabung yang terfisi, sistem pengurusan kewangan yang bertambah cekap dan rancangan pinjaman yang hanya untuk pelaburan di bidang pengeluaran yang menguntungkan.

Menurutnya, penganalan pentadbiran kerajaan di bawah konsep baru Bersih, Cekap dan Amanah juga harap dapat membantu meningkatkan daya pengeluaran negara.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 5892 /  
No. Penerimaan 209 / 86